



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
AMALAN  
ZAKAT FITRAH YANG  
TERBAIK



ISLAMIC - SAUQUH - OBEIDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "AMALAN ZAKAT FITRAH YANG TERBAIK".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾	
<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</b>  Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Marilah kita hayati khutbah pada hari ini yang bertajuk " <b>AMALAN ZAKAT FITRAH YANG TERBAIK.</b> "  <b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</b>	6



<p>Di dalam bulan Ramadhan, ada satu kewajiban bagi setiap muslim yang dinamakan sebagai zakat fitrah. Ia adalah wajib ke atas setiap orang Islam, sama ada merdeka mahupun hamba sahaya, ke atas diri sendiri dan juga semua orang yang berada di bawah tanggungannya. Kewajipan zakat fitrah itu hanya datang setahun sekali, iaitu saat bermulanya Ramadhan dan berakhir bila menjelang Idulfitri.</p>	7
<p>Ibnu 'Abbas Radiallahu'anhuma meriwayatkan bahawa:</p> <p>فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ.</p>	8
<p><i>"Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah untuk menyucikan orang yang berpuasa daripada perkara lalai dan perkataan keji, dan juga untuk memberi makan orang miskin."</i></p> <p><i>(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).</i></p>	9
<p>Sejarah pensyarian zakat fitrah adalah pada tahun kedua hijrah, iaitu seiring dengan kefarduan puasa Ramadhan. Ia menjelaskan bahawa zakat fitrah mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan ibadah puasa. Orang yang dengan sengaja mengabaikan zakat fitrah hakikatnya telah gagal menyemai benih takwa dalam dirinya. Sedangkan hikmah tertinggi puasa ialah mencapai sifat takwa dalam diri.</p>	10



Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ  
مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

11

*"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa."*

12

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Pelaksanaan zakat fitrah umumnya memang senang ditaati tanpa banyak soal. Ini kerana, harganya juga sangat kecil bagi kebanyakan orang, iaitu hanya RM7 bagi setiap individu. Jika sebuah keluarga terdiri daripada dua ibu bapa dan tiga anak, baharu berjumlah RM35.

13

Namun begitu, di Selangor sejak tahun 2018, kita telah dianjurkan agar menunaikan zakat fitrah mengikut harga beras yang kita makan. Andai kita memakan beras yang mahal, maka kita digalakkan membayar harga fitrah sama ada RM14 atau RM21 seorang.

Galakan ini bersesuaian dengan pengamalan para sahabat nabi sendiri, sebagaimana yang disebutkan oleh Ibnu Umar Radilallahu'anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:

أَمَرَ النَّبِيُّ ﷺ بِزَكَاةِ الْفِطْرِ، صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ. فَجَعَلَ  
النَّاسُ عِدْلَهُ مُدَّيْنٍ مِنْ حِنْطَةٍ

14



*"Rasulullah SAW memerintahkan (kami) supaya membayar zakat fitrah segantang tamar atau segantang barli. Maka orang ramai menyamakan (segantang itu) dengan dua cupak hintah (gandum, iaitu makanan terbaik yang dimakan oleh mereka)."*

15

*(Riwayat al-Bukhari).*

Oleh itu, perbuatan mengeluarkan zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan hakikatnya adalah sangat baik dan lebih menepati roh zakat fitrah itu sendiri. Ia juga menepati kehendak Allah SWT yang amat menggalakkan kita memberikan sesuatu dengan lebih daripada sepatutnya, khususnya dalam perkara berkaitan puasa.

16

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 184:

فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُ

*"Barang siapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebaikan, maka itulah yang lebih baik baginya."*

17

Hakikatnya, kewajipan zakat fitrah adalah pelengkap kepada ibadah puasa Ramadhan. Memberikan harta dalam bentuk zakat memerlukan kekuatan iman. Andai kata kita menjadi pemurah dan mampu memberikan lebih banyak harta, yakni dengan mengeluarkan zakat fitrah mengikut beras yang kita makan, maka itu adalah tanda penyakit bakhil telah berjaya kita kikis dari hati kita. Namun sekiranya masih berkira-kira, itu bermakna kita masih dikuasai nafsu. Masih jauh untuk mencapai darjat takwa.

18



<p>Darjat takwa bagi orang yang berpuasa sangat penting, kerana ia mampu menjadikan seseorang itu berbeza sebelum dan selepas Ramadhan. Misalnya sebelum Ramadhan dia bakhil, namun selepas Ramadhan dia menjadi pemurah, itu bukti puasa sudah berkesan kepada dirinya. Namun jika keadaan dirinya sama sahaja, maka dikhuatiri dia telah gagal mencapai darjat takwa dan puasa yang dilaluinya seakan sia-sia kerana dia gagal mendidik dirinya.</p>	19
<p>Selain itu, mereka yang berjaya mencapai darjat takwa dalam berpuasa sehingga menjadi pemurah dan suka berzakat serta bersedekah, maka Allah SWT berjanji akan memasukkan mereka ke dalam syurga yang sangat luar biasa.</p>	21
<p>Hadis daripada Ali bin Abi Talib Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ فِي الْجَنَّةِ غُرَفًا تَرَى ظُهُورَهَا مِنْ بُطُونِهَا وَبُطُونِهَا مِنْ ظُهُورِهَا. فَقَامَ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ: لِمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: لِمَنْ أَطَابَ الْكَلَامَ، وَأَطْعَمَ الطَّعَامَ، وَأَدَامَ الصِّيَامَ، وَصَلَّى لِلَّهِ بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ</p>	22
<p><i>"Sesungguhnya di dalam syurga terdapat sebuah bilik yang (tembus penglihatan) luarnya dapat dilihat dari dalamnya, dan (jika dari) dalam dapat melihat ke luarnya. (Kemudian) berdirilah seorang Arab badui lantas bertanya: Kepada siapakah (bilik itu disediakan) wahai Rasulullah?" Baginda SAW menjawab: "Bagi mereka yang berkata baik, memberi makan (termasuklah menunaikan zakat fitrah), rajin berpuasa dan mengerjakan solat kerana Allah di malam hari di saat manusia lain sedang terlena."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmidzi).</i></p>	



Lihatlah janji-janji Nabi SAW dan Allah SWT kepada orang yang bertakwa, telah disediakan baginya hadiah yang sangat istimewa. Ia adalah hadiah istimewa bagi mereka yang berjaya mendapat darjat takwa. Demikianlah betapa zakat fitrah dapat melengkapkan puasa kita, dan menjadi penanda aras tahap keimanan kita.

Bilakah waktu untuk kita melaksanakan kewajipan zakat fitrah ini?? Imam al-Syafie mengharuskan kita menunaikan zakat fitrah sejak permulaan satu Ramadhan lagi untuk mengelakkan terlupa menunaikannya. Amalan ini adalah sah bahkan lebih baik lagi bagi kita untuk mengelakkan berebut-rebut apabila menunaikannya di saat akhir. Haram dan berdosa sekiranya terlalai atau terlupa menunaikan zakat fitrah sehingga melepasi satu Syawal. Namun begitu, zakat tersebut perlu juga ditunaikan melalui kaunter-kaunter LZS atau secara atas talian dan dikira sebagai qada' zakat.

Ingatlah, hukum menyegerakan pembayaran zakat fitrah termasuk qada zakat fitrah adalah wajib. Ini kerana, sekiranya orang itu terus menangguhkan zakat fitrahnya, maka itu bermakna dia juga akan terus berada dalam keadaan haram dan berdosa sepanjang masa. Seandainya dia meninggal dunia, maka dia meninggal dalam keadaan berhutang kepada Allah SWT.

Sebelum mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa zakat fitrah adalah ibadah yang sangat besar rahsianya dalam ibadah puasa untuk mencapai sifat takwa.
2. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat fitrah mengikut kemampuan diri, iaitu memilih harga fitrah yang lebih sesuai bagi mereka.
3. Secara umumnya umat Islam menunaikan zakat fitrah tanpa banyak soal, sepatutnya begitu jugalah tanggapan kita terhadap zakat harta, menunaikannya tanpa soal.





أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ  
كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا  
وَابِلٌ فَطُلٌّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٦٥﴾

*"Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai). Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu perbuat.*

*(Surah al-Baqarah: 265)*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. 30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ 31





## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	9
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	11
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	12
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	16
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	17



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	<p>18</p>
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	<p>19</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>20</p>